

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 16 MEI 2016

RUJUKAN : 8955

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jelaskan proses pemberian lesen penjualan senjata api kepada syarikat-syarikat di Malaysia dan menyenaraikan semua nama syarikat-syarikat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pemberian lesen penjualan senjata api kepada syarikat adalah berdasarkan garis panduan (SOP) yang ditetapkan di dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara Bahagian A116.

Sehingga April 2016, sebanyak 171 buah syarikat telah diberikan lesen menjual senjata api dan peluru mengikut jenis perniagaan di seluruh Negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 48 buah syarikat di Sarawak, 33 di Kuala Lumpur, 22 di Sabah, 16 di Perak, 15 di Selangor, 8 di Johor, 7 di Pahang, 5 di Kelantan, masing-masing 4 di Kedah, Terengganu dan negeri Sembilan, 3 di Melaka dan 2 di Pulau Pinang. Tiada lesen menjual senjata api direkodkan di Negeri Perlis.